



# BAB 5



## BAB 5

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

#### 5.1: Rumusan

Perlaksanaan pengajaran *tawhīd* kepada penduduk Islam setempat di daerah Muar Johor telah melibatkan 91 buah masjid dan 79 orang tenaga pengajar. Metode pengajaran *tawhīd* seumpama ini dianggap sebagai suatu kaedah penyampaian ilmu-ilmu Islam terutama yang berkaitan dengan bidang *aqidah* secara tidak formal kepada anak kariah dan pengunjung setia di masjid-masjid yang terlibat. Kaedah pembelajaran seperti ini telah lama diperkenalkan di Muar Johor. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa di daerah ini telah berjaya melahirkan ramai tokoh ulama' dan ilmuan agama yang terkenal dalam pelbagai bidang seperti *tawhīd*, *tafsīr*, *fiqh*, *taṣawwūf* dan lain-lain lagi.

Penyampaian pengajaran *tawhīd* kepada jemaah dibuat secara percuma tanpa dikenakan sebarang bayaran khusus. Ia diaplikasikan pada kebanyakan masjid di daerah ini bertujuan untuk memberi pendedahan maklumat dan impak tentang ilmu-ilmu Islam dalam bidang berkaitan yang

dimaksudkan. Pendekatan seumpama ini berupaya menanamkan *aqīdah* dan keimanan yang kuat serta kental kepada para pengunjung. Di samping itu dalam situasi yang sama ia mampu menjadi benteng kukuh untuk menahan sebarang bentuk cabaran dan penyelewengan *aqīdah* yang datang daripada pelbagai arah.

Di daerah Muar Johor terdapat seramai 79 orang tenaga pengajar yang masih aktif menyampaikan pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid. Mereka ini dilantik oleh Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) melalui proses temuduga mengikut bidang yang diminati dan kebolehan masing-masing. Setiap pengajar diberi surat tauliah sebagai bukti perlantikan untuk tempoh tiga tahun. Surat tauliah ini memberi kebenaran kepada mereka menyampaikan pengajaran di mana-mana sahaja kawasan dalam Negeri Johor. Mereka boleh menyampaikan sebarang jenis pengajaran keagamaan tetapi huraianya mestilah tidak terkeluar dari pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.

Majoriti pengajar *tawhīd* di Muar menggunakan kitab-kitab Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu. Kitab tersebut ialah *risalah al-Tawhīd*, *aqīdah al-Mu'min*, *I'tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, *al-Durr al-Thamīn*, *aqīdah al-Najān* dan seumpamanya. Kesemua kitab yang dinyatakan

itu telah diperakui penggunaannya oleh Jabatan Agama Islam Johor ( JAIJ ) dan ia juga diselaraskan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ). Sebarang kitab rujukan dalam bidang *tawhīd* boleh digunakan di negeri ini asalkan kandungan dan kupasannya tidak bercanggah dengan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sepertimana yang telah ditetapkan dalam surat tauliah perlantikan mereka. Dalam ertikata lain mereka boleh menggunakan masjid secara maksimum sebagai landasan atau medan utama untuk menyampaikan pengajaran *tawhīd*. Penglibatan pengajar *tawhīd* secara maksimum dalam pengajaran mereka adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa masjid. Ia boleh merancakkan dan menyemarakkan lagi program pengimarahannya yang ditaja oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ) sejak pertengahan tahun 1985 lagi.

Sepanjang pengajaran *tawhīd* di Muar Johor pengajar telah menggunakan kurikulum sepadu yang telah diselaraskan perlaksanaannya di seluruh Malaysia. Dalam hubungan ini tidak timbul masalah sekiranya pengajar *tawhīd* itu berpindah ke daerah lain dan mereka boleh menggunakan rujukan yang sama. Pendekatan sepadu yang diterapkan dalam pengajaran *tawhīd* dapat membentuk masyarakat Islam yang berkualiti sama ada dari segi ilmu, akhlak dan mampu pula menghayati pengajaran *tawhīd* secara baik dan berkesan.

Analisis kajian mendapati sambutan yang diberikan oleh masyarakat Islam dan para pengunjung terhadap pengajaran *tawhīd* tetap menggalakkan dan membanggakan. Terdapat dua faktor yang menjadi pemangkin kepada keberkesanan pengajaran *tawhīd* di daerah ini iaitu faktor kemanusiaan dan faktor peralatan. Oleh itu kehadiran dan sambutan yang ada sekarang perlu dikekalkan, malah dalam situasi yang sama beberapa strategi dan formula alternatif perlu dicari bagi melonjakkan kembali paradigma sokongan di kalangan pengunjung baru. Dalam era menuju alaf baru dan bersesuaian pula dengan perkembangan teknologi maklumat yang bersifat globalisasi mengajak semua pihak agar berganding bahu dan tenaga untuk sama-sama merubah pendekatan yang ada ke arah menjadikan pengajaran *tawhīd* ini paling disukai dan cemerlang. Mekanisma ini kelak akan membentuk mercu tanda unggul untuk tatapan generasi akan datang.

## 5.2: Cadangan Meningkatkan Sambutan Dan Keberkesanan

Masjid merupakan suatu tempat suci dan ibadat bagi umat Islam. Ia dianggap mempunyai pelbagai fungsi dan peranan ke arah menentukan pembentukan dan pembangunan masyarakat Islam sejagat. Kenyataan ini selaras dengan peranan masjid itu bukan hanya semata-mata ditentukan sebagai tempat sujud atau tempat bagi melaksanakan ibadat khusus sahaja. Malahan peranan dan konsep masjid itu perlu dicernakan dengan pengertian

yang lebih meluas dan menyeluruh tetapi fungsinya mesti dipastikan tidak terkeluar daripada konsep ibadat yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan pengajaran *tawhīd* di Muar Johor terdapat beberapa kelemahan yang boleh dipertingkatkan dalam pengendalian program pengajaran *tawhīd* di daerah ini. Bagi tujuan mengatasi dalam ertikata memperkemaskan lagi perjalanan pengajaran *tawhīd* supaya program ini sentiasa berdaya maju, berdaya saing dan berdaya juang serta mendapat sambutan daripada masyarakat setempat adalah disarankan agar tiga pihak membuat pendekatan sepadu. Pihak yang terlibat iaitu ahli jawatankuasa masjid, pengajar dan pengunjung mestilah berganding bahu dan tenaga memberi perhatian di samping membuat perubahan dalam melaksanakan perkara-perkara berikut iaitu:

#### 1. Pentadbiran Ahli Jawatankuasa Masjid

Ahli jawatankuasa masjid yang menjalankan pentadbiran dan pengurusan bagi semua masjid di daerah Muar perlu mengambil beberapa pendekatan bersepadu ke arah memperbaiki dan memperkemaskan lagi perjalanan aktiviti-aktiviti keagamaan termasuk pengajaran *tawhīd*. Antara pelbagai pendekatan positif yang perlu dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:

### (a) Pengumuman Di Mimbar

Sambutan orang ramai akan lebih menggalakan terhadap apa jua jenis aktiviti keagamaan sekiranya ahli jawatankuasa setiap masjid sentiasa peka untuk mempelbagaikan metode tertentu bagi menarik para jemaah datang ke kuliah pengajaran *tawhīd*. Justeru adalah disarankan agar pengumuman melalui mimbar jumaat boleh dilaksanakan secara rutin dan berterusan kerana ia mampu menjana kehadiran orang ramai ke kuliah *tawhīd*. Penggunaan mimbar jumaat sebagai media lisan mingguan amat sesuai kerana semua anak kariah berkumpul pada ketika itu. Berdasarkan kaedah ini diharapkan besar kemungkinan kedatangan para jemaah akan bertambah dan meningkat setiap kali pengajaran ini diadakan.

### b. Khutbah Khas

Bahagian pentadbiran masjid dan surau Negeri Johor disarankan supaya menyediakan seberapa kerap yang boleh khutbah khas mengenai kepentingan mengimarahkan masjid. Khutbah tersebut perlu dibaca serentak di setiap masjid sama ada di peringkat mukim mahupun daerah di Johor. Penekanan kandungannya hendaklah ditumpukan kepada kelebihan orang-orang yang menghadiri majlis-majlis ilmu dan kerugian kepada orang-orang yang tidak dapat memenuhi tuntutan tersebut. Dengan pemaparan

seumpama ini adalah dijangkakan kedatangan masyarakat Islam setempat ke kuliah pengajaran *tawhīd* akan tetap memberangsangkan.

#### c. Melantik Remaja Sebagai Ahli Jawatankuasa Masjid

Majoriti kehadiran para jemaah untuk apa juga aktiviti keagamaan dimonopoli oleh golongan dewasa berbanding dengan golongan remaja dan kanak-kanak. Justeru adalah disarankan agar pihak pentadbiran masjid bersikap pro-aktif dengan melantik seorang remaja menganggotai ahli jawatankuasa (AJK) masjid di kariah masing-masing. Dengan cara melantik remaja dalam jawatankuasa masjid, mereka boleh berperanan untuk menarik seberapa ramai rakan sebayanya menjadi jemaah baru dalam pengajaran *tawhīd* dan aktiviti-aktiviti keagamaan lain. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan sudah tentu pertambahan kehadiran jemaah dapat dilihat dari semasa ke semasa.

#### d. Program Lawatan Seliaan Daripada Pihak Berkuasa Agama Daerah

Program untuk menyuntik kehadiran jemaah ke kuliah *tawhīd* perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak yang terlibat. Tanggungjawab ini tidak hanya dipikul oleh sesuatu pihak sahaja. Justeru adalah disyorkan agar pihak pentadbiran agama daerah menyediakan jadual lawatan berkala untuk tempoh 4 bulan sekali atau 2 kali setahun bagi disempurnakan oleh pihak



berkuasa agama daerah yang terdiri daripada pegawai daerah, kadi daerah, pegawai pentadbiran masjid daerah dan pihak-pihak berkuasa mukim. Lawatan mengejut oleh pihak berkenaan sekaligus dapat memantau perjalanan dan sambutan sebenar orang ramai. Dengan cara ini ahli jawatankuasa masjid akan sentiasa peka dan bersedia untuk memastikan anak kariahnya hadir setiap kali kuliah *tawhīd* diadakan. Ia sekaligus dapat mengimbangi purata kehadiran untuk tempoh bulanan malah tahunan bagi masjid yang berkenaan.

#### e. Ahli Jawatankuasa Masjid Perlu Diberi Pendedahan Kursus

Kemantapan dan kelancaran program pengimarahannya sesebuah masjid itu tidak akan berjaya sepenuhnya jika ahli jawatankuasa yang dilantik gagal berfungsi dengan berkesan. Maju dan mundurnya sesebuah kelas pengajaran *tawhīd* itu banyak bergantung kepada kecekapan dan keprihatinan kakitangan masjid yang terlibat dengan pengurusan. Ia termasuklah yang menguruskan tentang manusia dan peralatan. Justeru adalah dicadangkan mana-mana ahli jawatankuasa masjid yang belum pernah mengikuti sebarang kursus diberi pendedahan, manakala yang telah pernah berkursus juga diberi berkursus lanjutan untuk tujuan peningkatan kecekapan.

Dengan pendedahan sedemikian mereka dapat menerapkan ilmu yang diperolehi dalam pengurusan yang diceburi. Jika inilah caranya yang

diimpikan oleh semua orang kelas pengajaran *tawhīd* akan terus berkembang maju dengan melonjakkan kehadiran yang membanggakan. Pembangunan tenaga manusia dan kebendaan yang sejajar dengan kejayaan akan mampu menjadi mercu tanda keagungan kelas pengajaran *tawhīd* yang sedia ada.

#### f. Kempen Bulan Dakwah

Kejayaan dan keberkesanan sesuatu pengajaran itu akan lebih menyerlah jika ada usaha positif dilaksanakan oleh pihak pentadbiran agama daerah. Oleh itu disyorkan agar kempen bulan dakwah dapat diwujudkan semula. Ia sepatutnya dijadikan suatu agenda yang berterusan dengan dibuat pengisian yang menyeluruh untuk sepanjang tempoh kempen berjalan. Dengan kaedah dan promosi seumpama ini ia akan mampu menarik jemaah datang untuk mengikuti apa juga program keagamaan selain pengajaran *tawhīd* di daerah Muar Johor.

#### g. Pengiktirafan Pengajar

Wang ringgit, pangkat dan kedudukan bukanlah idaman setiap pengajar. Mereka mencurahkan khidmat secara sukarela dan ikhlas tanpa

mengharapkan apa-apa ganjaran dan penghargaan daripada mana-mana pihak. Walaupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM ) menyalurkan wang saguhati mengajar melalui Jabatan Agama Islam Johor ( JAIJ ) kepada pengajar yang terlibat, tetapi ia tidaklah setimpal dengan pengorbanan yang dicurahkan kepada penduduk setempat. Justeru adalah dicadangkan supaya pihak pentadbiran agama daerah dan negeri memberi pengiktirafan kepada pengajar yang benar-benar menepati ciri-ciri pengajar contoh ( mithali ). Kriteria pemilihan calon hendaklah sama dengan kaedah pemilihan tokoh Ma'al Hijrah negeri iaitu memiliki sahsiah yang baik, berilmu, berwibawa, berkerampilan, kejayaan keluarga dan sumbangan kepada masyarakat.

Dengan adanya pengiktirafan seumpama ini setiap pengajar akan berusaha segigih mungkin untuk meningkatkan diri mereka agar menjadi pengajar contoh seterusnya menjadi idola kepada tenaga pengajar lain. Mereka akan berazam dan bertekad untuk memperbaiki kelemahan diri bagi menjadikan diri mereka pengajar contoh yang diiktiraf paling berprestij di masa perkhidmatannya.

#### h. Mengedarkan Buletin Bulanan

Aktiviti pentadbiran sesebuah masjid itu akan lebih menyerlah lagi pengurusannya jika ia mampu mengikuti arus pemodenan semasa. Justeru pihak pentadbiran masjid hendaklah mencari pendekatan positif ke arah menarik sokongan orang ramai bagi merealisasikan pengajaran *tawhīd*. Oleh itu adalah dicadangkan kepada pihak pentadbiran masjid yang mempunyai tabungan kewangan kukuh agar dapat menyediakan dan mengedarkan buletin bulanan masjid. Kandungan buletin tersebut boleh memuatkan semua aktiviti masjid untuk tempoh sebulan sama ada berbentuk ceramah mahupun kuliah-kuliah pengajaran. Pengedarannya dibuat secara percuma pada minggu pertama hari Jumaat.

Dengan metode pengedaran buletin seumpama ini ia berupaya menarik jemaah yang mendengar khutbah untuk datang pula mengikuti pengajaran *tawhīd*. Walaupun kos mencetaknya agak tinggi tetapi pulangannya amat menggalakkan dan memberangsangkan. Justeru terpulanglah kepada ahli jawatankuasa masjid yang terlibat sama ada hendak melaksanakan ataupun sebaliknya.

## 2. Pengajar *Tawhīd*

Tanggungjawab untuk menarik dan merangsang jemaah supaya hadir ke kuliah pengajaran *tawhīd* tidak hanya dipikul oleh ahli jawatankuasa pentadbiran sesebuah masjid sahaja. Peranan ini turut dikongsi oleh pengajar *tawhīd* yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Johor agar sambutan orang ramai terhadap pengajaran ini tetap menggalakkan. Oleh itu beberapa cadangan perlu dilaksanakan supaya perjalanan pengajaran *tawhīd* ini tetap bermaya dan kecemerlangannya menyerlah. Antara cadangan yang perlu dilaksanakan ialah:

### a. Seminar *Tafaqquh Tawhīd*

Tahap pemilikan ilmu bagi setiap pengajar *tawhīd* dengan pengajar *tawhīd* yang lain adalah berbeza. Perbezaan ini amat ketara jika taraf pendidikan dan pengalaman seseorang pengajar itu dijadikan ukuran utama. Situasi yang wujud mendapati pengalaman mengajar turut menjadi aset paling penting untuk menjadi jurang pemisah di antara yang berilmu dengan yang mempunyai pengalaman. Oleh kerana taraf pendidikan berbeza menyebabkan huraian setiap persoalan itu turut berbeza dan berlainan.

Justeru adalah disyorkan agar diwujudkan seminar *tafaqquh tawhīd* untuk memantapkan kewibawaan pengajar *tawhīd* itu sendiri.

Berdasarkan cadangan ini perasaan bosan dan jemu di kalangan jemaah dapat diatasi seterusnya mampu menjana kembali minat jemaah untuk terus memberi sinar dalam pengajaran *tawhīd*. Seminar seumpama ini boleh diadakan sebanyak dua kali setahun. Pengajar pakar boleh dipilih di kalangan guru yang mempunyai ketinggian ilmu serta luas pengalaman mengajar. Adalah diharapkan semoga setiap persoalan yang dikemukakan mampu diselesaikan dengan baik seterusnya mencerikan kembali pengajaran *tawhīd* dengan pertambahan jemaah yang tidak terhingga.

#### b. Pendedahan Kepada Kursus

Pengajaran *tawhīd* atau aktiviti-aktiviti keagamaan lain akan nampak lebih berkesan sekiranya setiap pengajar mendapat pendedahan secukupnya. Justeru adalah dicadangkan agar semua pengajar *tawhīd* di daerah Muar diberi pendedahan mengenai kursus teknik penyampaian berkesan secara berperingkat-peringkat. Pendedahan kursus seumpama ini penting bagi pengajar untuk menambahkan pengalaman, memperluaskan huraian dan dapat mempelbagaikan teknik penyampaian. Kaedah ini dapat mengekalkan minat jemaah kerana teknik yang diterapkan menarik, mempersonakan,

menghibur dan dapat menambat hati para pengunjung. Justeru ia dianggap sebagai pemangkin ke arah menyuntik sambutan orang ramai untuk datang setiap kali diadakan kuliah pengajaran *tawhīd*.

Sekiranya pendekatan sebegini dapat dilaksanakan dengan cara baik dan berkesan, sudah pasti kunjungan orang ramai tidak akan merosot tetapi sebaliknya akan terus bertambah dan melonjak.

### c. Komunikasi Dua Hala

Keberkesanan dan kecemerlangan pengajaran *tawhīd* akan lebih terserlah dan ceria jika setiap pengajar mampu melayani karenah para jemaah secara baik dan berkesan. Oleh kerana tahap pendidikan para jemaah yang hadir ke masjid-masjid berbeza dan tidak sama sudah semestinya wujud jurang pemahaman yang agak ketara di antara seorang jemaah dengan jemaah yang lain. Justeru adalah disyorkan agar pengajar memberi peluang kepada jemaah untuk mengemukakan sebanyak mungkin pertanyaan yang mereka kurang faham.

Sekiranya metode sebegini dapat diamalkan secara rutin oleh pengajar sudah pasti jemaah tidak akan lari mencari pengajar yang benar-benar

mereka sukai sahaja. Oleh itu terpulanglah kepada pengajar untuk melayani kehendak para jemaah secara baik dan berkesan.

#### d. Muzakarah Tahunan Pengajar

Pelbagai kaedah sebagai pendekatan boleh diketengahkan bagi menambah keberkesanan pengajaran *tawhīd* di kalangan pengajar. Antaranya dengan menganjurkan muzakarah tahunan bagi pengajar *tawhīd* di daerah Muar Johor. Oleh itu disyorkan agar muzakarah seumpama ini dapat dilaksanakan setiap tahun. Sekretariat bolehlah dipilih di kalangan pengajar *tawhīd* bagi daerah berkenaan. Sementara program diisi dengan pembentangan dua kertas kerja yang berkaitan dengan bidang *tawhīd* dan *aqidah* beserta sesi perbincangan. Melalui muzakarah ini sesuatu persoalan yang sebelum ini sukar untuk dirungkai dapat diselesaikan. Sehubungan dengan ini integrasi dan interaksi di antara seseorang pengajar di dua mukim berlainan dapat dipereratkan.

Berdasarkan kepada pendekatan sedemikian prestasi penyampaian dan keberkesanan pengajaran setiap pengajar yang terlibat dapat dipertingkatkan. Ia sekaligus dapat mengembalikan keyakinan diri pengajar yang sebelum ini kurang menyerlah dan kurang berkesan dari segi kualiti penyampaiannya.



#### e. Membuat Persediaan Mengajar

Kematangan seseorang pengajar itu terletak kepada bakat dan kewibawaan yang dimiliki. Walaupun ada di kalangan mereka yang mempunyai pengalaman mengajar hampir 50 tahun namun kadangkala mereka lupa tentang aspek untuk membuat persediaan mengajar. Justeru adalah dicadangkan agar pengajar membuat sedikit persediaan sebelum mereka mengajar. Persediaan mengajar mustahak bagi menjamin bidang yang disampaikan itu benar-benar berkualiti. Justeru sudah sampai masanya pengajar merubah sikap ambil mudah dan tidak apa. Sebaliknya pupuklah sikap ingin menyampaikan sesuatu yang terbaik dan bermutu.

Sekiranya pengajar membuat persediaan yang secukupnya sudah tentu pengajaran *tawhīd* boleh disampaikan dengan pelbagai dimensi yang meyakinkan. Sikap terciari-cari tempat berhenti pada minggu lalu seharusnya dielakkan kerana ia menggambarkan kelemahan pengajar itu sendiri. Seandainya mekanisme ini dapat dijalankan, pengajaran *tawhīd* akan kembali ceria manakala sambutan turut meningkat.

f. Membuat Nota Ringkas Untuk Edaran

Pengajar *tawhīd* perlu mempelbagaikan teknik penyampaian berkesan kepada jemaah. Seiring dengan perkembangan zaman internet ke arah menuju alaf baru telah mendesak para pengajar menggunakan apa juga mekanisme untuk memberi kefahaman yang jitu kepada jemaah. Justeru adalah disyorkan kepada pengajar agar dapat membuat nota ringkas untuk diedarkan semasa mereka sedang menyampaikan pengajarannya. Cara sebegini dikenalpasti sebagai pemangkin bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran *tawhīd*. Walaupun kos penyediaannya agak tinggi namun faedahnya amat ketara. Para jemaah dapat mengikuti intipati pengajaran dengan lebih teratur dan sistematik. Dalam kondisi ini suasana pengajaran lebih hidup dan ceria serta berupaya pula menambat hati para jemaah untuk terus datang pada minggu-minggu berikutnya.

Berdasarkan metode pengedaran nota ini ia dianggap paling relevan untuk menarik kehadiran jemaah. Di samping itu ia dapat meningkatkan kefahaman dan keberkesanan di kalangan pengunjung. Lantaran itu terpujanglah kepada pengajar sama ada hendak melaksanakan ataupun sebaliknya.

Berpandukan saranan yang dikemukakan untuk dilaksanakan oleh pengajar dapatlah dirumuskan bahawa sekiranya keenam-enam cadangan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, pengajaran *tawhīd* akan menerima kunjungan daripada pelbagai lapisan umur setiap kali ia dilaksanakan.

### 3. Pendengar

Golongan pendengar atau jemaah kuliah pengajaran *tawhīd* tidak terkecuali turut serta menceriaikan lagi suasana pembelajaran *tawhīd* di masjid-masjid dalam daerah Muar Johor. Justeru sudah sampai masanya mereka perlu didedah untuk membuat beberapa perubahan yang selama ini diabaikan tanpa diberi perhatian serius. Antara perkara yang perlu diberi perhatian untuk dibuat perubahan oleh pendengar pengajaran *tawhīd* adalah seperti berikut:

#### a. Perubahan Sikap

Pendengar atau jemaah yang datang mengunjungi masjid-masjid setiap kali diadakan pengajaran *tawhīd* adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan. Oleh kerana tahap pendidikan yang berbeza menyebabkan tahap penerimaan terhadap sebarang

pengajaran *tawhīd* turut berbeza. Jika sebelum ini kehadiran mereka ke masjid hanyalah semata-mata untuk memenuhi masa lapang tetapi mulai sekarang tujuan tersebut hendaklah diubah. Oleh itu adalah disarankan agar mereka membuat perubahan sikap secara total. Tujuan kehadiran ke masjid tidak lagi terhad untuk memenuhi masa lapang tetapi diasaskan untuk beribadat di samping turut serta mendengar ilmu-ilmu agama yang disampaikan oleh pengajar.

Sekiranya pendengar dapat melakukan perubahan sikap ini secara berterusan sudah tentu keceriaan akan wujud ketika pengajaran *tawhīd* disampaikan. Di samping itu keberkesanan dan kefahaman terhadap apa juga yang disampaikan oleh pengajar turut meningkat dari sebulan ke bulan berikutnya.

#### b. Buku Catatan

Kuliah pengajaran *tawhīd* dan aktiviti-aktiviti keagamaan lain yang diadakan di masjid-masjid merupakan suatu sistem pendidikan yang tidak formal bagi semua peringkat umur. Justeru orang ramai terutama anak kariah bebas mengikutinya tanpa dikenakan sebarang bayaran. Malah pengajaran ini diberikan secara percuma oleh pengajar. Apa yang berlaku sekarang majoriti pendengar yang hadir hanya membawa diri tanpa kitab dan

buku catatan. Walaupun ada segelintir yang membawa kitab dan kertas catatan namun jumlahnya masih terlalu kecil.

Sehubungan dengan ini adalah dicadangkan kepada pendengar agar mereka membawa buku catatan ketika pengajaran sedang dijalankan. Buku catatan ini membolehkan mereka mencatat segala isi-isi penting yang disampaikan oleh pengajar. Malah buku catatan ini boleh dijadikan panduan untuk tujuan perbincangan atau dijadikan koleksi individu. Dengan adanya buku catatan seperti ini setiap orang akan lebih peka terhadap sesuatu isu yang diperbincangkan. Jika pendengar masih mengamalkan sikap membawa diri dan memasang telinga nescaya peratus penerimaan pengajaran *tawhīd* kurang berkesan dan kurang memuaskan. Jadi terpulanglah kepada pendengar kerana kebaikan mempunyai buku catatan lebih banyak faedahnya untuk mereka.

### c. Aktif Mengambil Bahagian

Perlaksanaan sesebuah pengajaran *tawhīd* akan lebih menampakkan keceriaan dan kemesraan jika setiap pendengar aktif mengambil bahagian. Justeru adalah dicadangkan agar pendengar dapat mengambil bahagian pada setiap sesi perbincangan. Penyertaan secara total setiap pendengar dan jemaah tidak hanya terbatas ketika dibuka sesi perbincangan sahaja. Malahan pendengar boleh mengemukakan sebarang kemusykilan mereka

pada bila-bila masa yang dirasakan perlu tanpa menunggu di akhir perbincangan. Justeru pendengar perlu mengambil peluang dan kesempatan dengan mengepikan sentimen malu dan segan. Dalam situasi yang sama pengajar sepatutnya lebih peka untuk melayani kerenah pendengar dengan bijaksana. Malah suasana pembelajaran akan lebih ceria, seronok, mesra dan meriah. Penyertaan pendengar secara menyeluruh dalam sesi perbincangan pula telah mewujudkan penggunaan komunikasi dua hala secara meluas. Ini menambahkan lagi keberkesanan pengajaran yang disampaikan.

Sekiranya inilah trend dan acuan yang ingin dinobatkan dalam pembelajaran dan pengajaran *tawhīd* pada masa akan datang, kuliah *tawhīd* yang ada tidak akan hilang pendengar dan jemaah. Sebaliknya ia mampu menarik lebih ramai pengunjung untuk sama-sama memakmurkan aktiviti masjid setiap kali diadakan pengajaran dan aktiviti keagamaan di daerah ini.

#### d. Memberi Sepenuh Tumpuan

Konsep memberi tumpuan kepada pengajaran bermatlamat untuk membolehkan setiap pendengar memahami, menghalusi, meneliti sesuatu yang disampaikan itu secara jitu dan total. Kadangkala terdapat segelintir pendengar yang hadir ke masjid kurang memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk yang disampaikan oleh pengajar. Terdapat di kalangan mereka berbual-bual kosong ketika pengajar sedang asyik menyampaikan syarahan, malah

kedapatan juga pendengar mencari tempat-tempat strategik dan tiang seri untuk tujuan tersebut. Justeru adalah dicadangkan agar jemaah dan pendengar sebegini dapat memberi sepenuh tumpuan kepada pengajaran yang disampaikan. Di samping itu ia dapat mewujudkan perasaan hormat pendengar kepada majlis ilmu dan kepada pengajar itu sendiri.

Berdasarkan pendekatan ini pendengar seharusnya memberi tumpuan kepada pengajaran yang disampaikan. Kaedah seumpama ini tidak akan mengecewakan kedua-dua pihak sama ada pendengar mahupun pengajar malahan akan wujud suasana pengajaran yang mesra dan menghiburkan.

e. Berpesan Ke arah Kebaikan

Pendengar yang hadir ke masjid adalah saudara seagama. Walaupun mereka dipisahkan oleh jarak geografi dan kedudukan rumah namun mereka masih mempunyai tanggungjawab sosial untuk ingat mengingati seterusnya mengambil tahu tentang keadaan yang berlaku terhadap seseorang jemaah lain. Penduduk sesebuah kampung sudah semestinya berhasrat untuk melihat setiap aktiviti keagamaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para jemaah. Justeru amanah dan tanggungjawab tersebut perlu dipikul oleh para pendengar tanpa mengharapkan kepada ahli jawatankuasa masjid semata-mata. Justeru adalah dicadangkan agar konsep berpesan ke

arah kebaikan ini dapat ditanamkan ke jiwa para pendengar secara menyeluruh.

Dalam konteks perlaksanaannya mereka bolehlah mempelawa atau mengajak jiran tetangga yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka untuk sama-sama datang memakmurkan masjid. Sekiranya semua jentera sokongan masjid dapat berfungsi dengan baik dan berkesan, sudah pasti pengajaran ini mendapat sambutan diluar dugaan daripada penduduk setempat.

#### f. Rakan Masjid

Pengunjung tetap kuliah pengajaran *tawhīd* adalah terdiri daripada pelbagai lapisan usia. Kehadiran mereka ke masjid-masjid kariah masing-masing mempunyai dua tujuan iaitu untuk beribadat dan mendengar pengajaran agama. Pengajar yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Johor berperanan untuk menyampaikan pengajaran agama mengikut bidang yang telah ditetapkan. Justeru bagi menyemarakkan lagi kehadiran jemaah ke masjid adalah dicadangkan agar program rakan masjid dapat diperkenalkan. Dengan adanya program seumpama ini setiap jemaah dan pengunjung berpeluang menjadi ahli rakan masjid secara automatik. Mereka boleh mengenalpasti mana-mana ahli rakan masjid yang uzur atau menghadapi masalah.



Sehubungan dengan ini konsep amal makruf dapat diterapkan. Program ziarah untuk mengajak penduduk sekitar boleh diatur bagi tujuan mengimarahkan masjid secara maksimum. Sekiranya program rakan masjid ini mampu diimplimentasikan secara berkesan sudah pasti pengajaran ini tetap diminati. Justeru pendekatan yang sesuai amat perlu bagi melonjakkan kembali pengajaran *tawhīd* agar berada di landasan yang sebenar. Oleh itu isu pemulihan imej pengimarahan masjid perlu diberi perhatian agar ia mampu bersaing dan berjuang ke arah menobatkan kembali masjid supaya menjadi institusi yang terunggul dan cemerlang dalam pelbagai aspek pengajaran keagamaan.

Berdasarkan enam strategik dan pendekatan yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh pendengar dan jemaah ia berupaya mengembalikan sinar cahaya bagi pelaksanaan pengajaran *tawhīd* di daerah ini. Justeru sudah sampai waktu dan ketikanya mereka perlu merubah sikap dan minda agar pengajaran ini tetap berada di hati para pengunjung dan penduduk setiap kali ia dilaksanakan di masjid-masjid dalam daerah ini.

### 5.3: Penutup

Setelah diolah dan dihuraikan tentang pengajaran *tawhīd* di masjid-masjid dalam daerah Muar Johor dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran

*tawhīd* merupakan suatu kaedah pemindahan ilmu yang berkaitan dengan *aqīdah* oleh pengajar secara tidak formal kepada masyarakat Islam di Muar. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman seterusnya dihayati oleh orang Islam di daerah ini dalam kehidupan seharian mereka. Kaedah seperti ini dapat menanamkan *aqīdah* yang kuat ke dalam jiwa para pendengar. Implikasi daripada pengajaran ini pula berupaya melahirkan masyarakat Islam yang berilmu dan bermaklumat serta memiliki keimanan yang kental lagi ampuh untuk menghadapi sebarang cabaran yang pelbagai dalam alaf baru dengan lebih meyakinkan.

Perlaksanaan pengajaran *tawhīd* di daerah ini telah menggunakan khidmat seramai 79 orang pengajar atau 68 % dengan 91 buah masjid pula atau 71% terlibat secara langsung dengan program pengimaran ini. Semangat juang, dedikasi dan komited yang tinggi dimiliki oleh pengajar berupaya memaksimum penggunaan masjid. Ia sekaligus dapat memantap, menyemarak dan menyerlahkan lagi kejayaan perjalanan aktiviti-aktiviti pengajaran keagamaan di daerah ini. Justeru dua tahun berturut-turut iaitu tahun 1996 dan 1997 daerah ini telah diisytiharkan sebagai johan peringkat Negeri Johor yang paling aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti masjid. Pencapaian kejayaan ini adalah berkat usaha gigih semua pihak untuk mencipta keunggulan dan kecemerlangan bagi daerah Muar.

Hasil kajian mendapati pengajaran *tawhīd* yang sedang berjalan di daerah ini mendapat sambutan yang memuaskan daripada para pendengar. Kecemerlangan dan keberkesanan pengajaran ini banyak ditunjangi oleh kewibawaan pengajar, kecekapan pentadbir masjid, AJK kampung dan daerah serta masyarakat Islam setempat yang sama-sama terlibat memantau perjalanannya dari dahulu hingga sekarang. Justeru para pentadbir masjid dan pengajar *tawhīd* telah berusaha memperkenalkan beberapa pendekatan sepadu ke arah menarik minat generasi sekarang untuk mengikutinya. Dalam kondisi yang sama mereka dapat mengembalikan semula fungsi masjid sebagai pusat kecemerlangan dalam pelbagai pengajaran ilmu untuk faedah umat Islam sejagat.

Keberkesanan pengajaran *tawhīd* adalah manifestasi usaha daripada semua pihak. Ia merangkumi AJK masjid, pengajar dan pendengar. Justeru kecekapan, pengalaman, sistem yang kemas dan teratur telah menjadi pemangkin kepada keberkesanan dan kecemerlangan pengajaran ini. Oleh itu jawatankuasa masjid yang cekap dapat menyusun sebarang aktiviti keagamaan dengan kemas dan teratur, manakala pengajar yang berpengalaman pula mampu menarik dan mengikat kehadiran jemaah. Sementara pendengar yang prihatin dapat berperanan dengan efektif semasa pengajaran dilaksanakan. Ciri-ciri inilah yang telah melonjakkan paradigma sokongan dan sambutan masyarakat Islam setempat terhadap pengajaran *tawhīd*. Implikasi daripada pengajaran ini mampu memantapkan *aqīdah*

dan keimanan anak kariah seterusnya melahirkan generasi *rahbani* yang memiliki sahsiah yang baik, berkualiti dan dapat diteladani oleh orang Islam di daerah lain.

Pengajaran *tawhid* yang diaplikasikan di Muar merupakan suatu wadah wacana ilmu Islam yang paling sesuai untuk dikekalkan. Justeru perlaksanaannya perlu disokong oleh semua pihak sama ada kerajaan, swasta dan mahupun pertubuhan bukan kerajaan. Impak daripada pengajaran ini telah berjaya mengangkat martabat umat Islam itu menjadi insan yang berilmu dan bermaklumat. Di samping itu penghayatannya dalam kehidupan seharian pula mampu menjadi model untuk diteladani oleh orang-orang lain seterusnya menjadikan pelaksanaan program ini sebagai suatu kaedah pengajaran yang paling unggul dan berprestij untuk generasi hari ini dan akan datang.